

Artikel oleh:
CIK WENNIE SEUMIN &
PROF. MADYA DR. CHONG KHIM PHIN



Gambar 1:
Sesi latihan di ladang dan hands-on GanoKit oleh para peserta bengkel

Bengkel Mengesan Jangkitan Ganoderma

Pada 14 Oktober 2014 yang lalu, Unit Penyelidikan Minyak Sawit Lestari (SPOR) Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) UMS telah menganjurkan Bengkel Mengesan Jangkitan Ganoderma (Workshop on Early Detection of Ganoderma, The Causal of Basal Stem Rot Disease in Oil Palm using Thin Layer Chromatography Technique (TLC)) dengan jayanya. Bengkel tersebut telah menarik lebih daripada 30 orang peserta dari seluruh Malaysia yang terdiri dari pelbagai sektor kerajaan dan swasta, sama ada terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam pembangunan industri sawit Negara. Bengkel yang mengambil masa selama setengah hari ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta berkenaan dengan penggunaan teknik Lapisan Kromatografi Nipis (TLC) dan ergosterol yang dibangunkan oleh pihak SPOR yang mana telah dipermudahkan dalam bentuk kit mudah alih (GanoKit) sebagai usaha untuk mengesan jangkitan kulat Ganoderma pada pokok kelapa sawit di peringkat awal. Selain itu juga, bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan kepada para peserta akan pentingnya mengenali jangkitan kulat Ganoderma khususnya di peringkat awal, tindakan-tindakan susulan yang boleh dibuat dan informasi-informasi menarik mengenai Ganoderma dan impaknya kepada industri sawit Negara. Sesi kuliah bengkel berkenaan telah disampaikan oleh moderator Prof. Madya Dr. Chong Khim Phin yang juga merupakan ketua unit SPOR manakala sesi latihan di ladang dan hands-on GanoKit telah disampaikan oleh Encik Syahriell Abdullah dan Cik Arnyitte Alexander.

